



## ARTIKEL BDCB

### BERWASPADALAH TERHADAP PENIPUAN KEWANGAN

---

Mengenali jenis-jenis dan taktik-taktik penipuan kewangan adalah penting untuk melindungi simpanan dan pelaburan awda. Lebih-lebih lagi dalam landskap hari ini di mana penipuan kewangan semakin canggih dan sesiapa sahaja boleh menjadi sasaran, termasuk diri awda dan orang tersayang. Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada risiko ini. Beberapa jenis penipuan kewangan yang sering berlaku di Negara Brunei Darussalam termasuk *phishing*, penipuan cinta, penipuan pelaburan, penipuan pengengaruh kewangan (*Finfluencer*), penipuan pekerjaan, dan penipuan warisan

Sempena World Investor Week 2023, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin mengongsikan ciri-ciri amaran yang dapat membantu awda mengelak diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

#### 1. Pulangan Tinggi Yang Tidak Realistik

Secara amnya, penipu kewangan akan menjanjikan pulangan yang tinggi dalam jangka masa yang pendek, dengan tiada risiko atau risiko yang sedikit. Jika peluang yang ditawarkan terlalu bagus untuk menjadi kenyataan, ia lebih baik untuk tidak diambil atau tidak diikuti. Sentiasa berhati-hati apabila dihadapkan dengan tawaran seperti ini.

#### 2. Penggunaan Nama Selebriti atau Tokoh Masyarakat

Berwaspada terhadap pelaburan atau peluang kewangan yang kononnya “disokong” oleh tokoh-tokoh masyarakat atau selebriti. Taktik ini semata-mata untuk mencipta ilusi bahawa ia boleh dipercayai di mana sokongan yang diberikan adalah rekaan semata-mata.

#### 3. Konsep Rangkaian Ahli-Dapat-Ahli (*Member-Get-Member*)

Banyak penipuan menggunakan konsep rangkaian ahli-dapat-ahli (*member-get-member*) atau skema piramid. Skema-skema seperti ini memerlukan individu untuk mendapatkan ahli baru untuk melabur atau ikut serta, dengan janji ganjaran tinggi untuk membawa peserta baru. Skema-skema seperti ini seringkali gagal dan seterusnya, menyebabkan kerugian kewangan kepada mangsa.

#### 4. Kekurangan Dokumen yang Sah dan Betul

Peluang kewangan yang sah mempunyai terma dan syarat yang jelas dan mudah untuk difahami. Jika sebuah peluang pelaburan tidak mempunyai dokumen-dokumen relevan yang betul, termasuk kontrak, prospek, atau maklumat pelaburan, ia merupakan petunjuk amaran yang besar.

#### 5. Tiada Alamat Tetap atau Tiada Akses

Penipu kewangan biasanya beroperasi di tempat tersembunyi dan tidak mudah dihubungi. Mereka mungkin tidak mempunyai alamat fizikal tetap atau maklumat perhubungan. Lakukan kaji selidik secara menyeluruh untuk memastikan kesahihan sebuah peluang pelaburan.

## **6. Memerlukan Cara Pembayaran yang Khusus**

Berhati-hati jika peluang kewangan memerlukan pembayaran dengan cara yang khusus, seperti memindah dana atau menghantar wang ke luar negeri. Penipu kewangan seringkali lebih cenderung kepada kaedah-kaedah yang rumit dan tidak konvensional yang akan menyukarkan pengesanan.

### **Apakah awda boleh lakukan untuk melindungi diri awda?**

1. Layari laman web BDCB di [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn) untuk mendapatkan senarai penuh entiti yang dilesenkan oleh BDCB. Sebagai pengguna kewangan, pastikan awda hanya berurusan dengan institusi kewangan yang dilesenkan oleh BDCB. Dengan ini, awda diberikan perlindungan di bawah rangka kerja kawalselia BDCB, yang mungkin tidak diberikan kepada pengguna yang berurusan dengan entiti yang tidak dilesenkan atau dikawalselia oleh BDCB.
2. Sentiasa menyemak Alert List BDCB di laman web dan Instagram BDCB yang dikemaskini pada setiap bulan. Ini adalah senarai syarikat atau individu dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan BDCB atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.
3. Hubungi Isu Pengguna Kewangan BDCB di +673 8380007 atau emel [fci@bdcg.gov.bn](mailto:fci@bdcg.gov.bn) jika awda mendapati entiti-entiti yang menawarkan produk dan/atau perkhidmatan kewangan yang mencurigakan.
4. Buat laporan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei dengan segera di balai polis berhampiran atau melalui talian 993 jika awda menjadi mangsa penipuan kewangan.

### **Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 20 Rabiulawal 1445H / 6 Oktober 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/7